



TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS APRESIASI BUDI & BAKTI
KEMENTERIAN KERJA RAYA
TAHUN 2023**

**14 NOVEMBER 2023 (SELASA)
11.00 PAGI
BILIK TANJUNG, TINGKAT 6, BLOK A
KOMPLEKS KKR**

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis

SALUTASI

Salam Sejahtera & Salam Malaysia Madani

1. Saya amat berbesar hati kerana pada hari ini diberikan peluang untuk sama-sama meraikan 13 orang pegawai yang telah bersara pada tahun 2023 di Kementerian Kerja Raya. Saya dimaklumkan bahawa seramai 8 orang pegawai yang bersara wajib manakala 5 orang pegawai pula telah diluluskan persaraan pilihan.

2. Majlis Apresiasi Budi & Bakti yang diadakan pada hari ini adalah bagi menghargai khidmat bakti dan pengorbanan tuan-puan di sepanjang perkhidmatan sebagai penjawat awam. Saya dimaklumkan bahawa ada yang telah berkhidmat di Kementerian ini sahaja selama 39 tahun dan ada juga yang telah memberikan perkhidmatan di pelbagai Kementerian atau Jabatan.

3. Saya percaya telah banyak sumbangan dan jasa tuan-puan kepada negara selama dalam perkhidmatan awam. Pada masa yang sama pengalaman yang ditimba juga mengajar kita segala-galanya mengenai kehidupan, pengorbanan dan kejayaan. Kemahiran dan pengalaman tuan-puan merupakan aset yang amat penting dan bernilai kepada negara khususnya dan merupakan satu kehilangan yang besar kepada KKR, apabila tuan-puan meninggalkan perkhidmatan. Saya bagi pihak semua warga KKR amat menghargai dan mengucapkan berbanyak terima kasih di atas sumbangan jasa dan bakti serta komitmen tuan-puan semasa berkhidmat di Kementerian ini.

INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT MALAYSIA

Hadirin yang diraikan,

4. Meniti hari-hari persaraan merupakan suatu tempoh yang diharapkan dapat memberikan suatu moment yang menyenangkan dan membahagiakan. Menurut Laporan Kebahagiaan Dunia (*World Happiness Report*) Tahun 2023 yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia berada di tempat ke 55 daripada 137 negara dengan skor 6.012 daripada skala penuh 10.0, sebagai sebuah negara yang Paling Bahagia.

5. Hasil kajian Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia 2022 yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 10 bandar telah disenaraikan sebagai Bandar Bahagia Tahun 2022 iaitu Bandar Alor Gajah, Melaka; Bandar Gua Musang dan Bandar Kuala Krai di Kelantan; Bandar Klang dan Bandar Petaling Jaya di Selangor; Bandar Kluang, Johor; Bandar Kuala Pilah, Negeri Sembilan; Bandaraya Kuantan dan Bandar Rompin di Pahang dan akhir sekali Bandar Manjung, di Perak. Indeks kebahagiaan ini diukur melalui tahap kesejahteraan penduduk merangkumi aspek kesihatan dan kesejahteraan mental dan fizikal.

6. Selain itu, Malaysia juga bertuah kerana dinobatkan sebagai destinasi persaraan terbaik di Asia selepas disenaraikan pada kedudukan teratas dalam kalangan 10 negara paling selamat untuk bersara dengan indeks keamanan global pada tahap 1.471 dan purata kos sara hidup bulanan AS\$1,066 (RM4,825) sebagaimana yang dilaporkan oleh syarikat perkhidmatan kewangan iaitu Nasdaq yang berpangkalan di Amerika Syarikat. Antara kriteria yang dilihat dalam penilaian ini adalah iklim, kos sara hidup yang rendah, penguasaan Bahasa Inggeris yang baik dalam kalangan rakyat Malaysia serta sistem penjagaan kesihatan terbaik dan berkos rendah.

7. Berdasarkan laporan kajian-kajian ini, terbukti Malaysia merupakan tempat yang sangat baik untuk tuan-puan menikmati fasa persaraan. Dengan kos sara hidup yang rendah dan kemudahan perubatan serta kesihatan yang terbaik, saya percaya ini secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap kesihatan mental dan fizikal para pesara. Saya berharap dan mendoakan tuan-puan dapat menjalani kehidupan persaraan dengan ceria dan bahagia bersama keluarga tersayang.

8. Persaraan bukanlah penghujung kehidupan. Semasa bekerja, tuan-puan mempunyai matlamat untuk maju dalam kerjaya dan pada masa yang sama memberikan yang terbaik kepada keluarga. Selepas bersara, tuan-puan perlu menetapkan matlamat baharu supaya perjalanan kehidupan persaraan lebih bermakna. Tuan-puan juga boleh mengamalkan *Take 5* Ke Arah Kesejahteraan Mental dan Fizikal yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Kerangka Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) seperti berikut:

- i) Aktifkan diri - tingkatkan kecergasan diri
- ii) Beri - berkongsi kebahagiaan
- iii) Teroka minat - tonjolkan bakat
- iv) Kekal berhubung - eratkan rangkaian sosial yang sihat
- v) Syukur - hargai nikmat kehidupan

9. Baru-baru ini Kerajaan telah mengumumkan pemberian Bayaran Insentif Awal sebanyak RM1,000 kepada para pesara dan veteran yang akan dibayar pada Februari 2024 sementara menunggu Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam yang dijangka dimuktamadkan pada penghujung tahun hadapan. Diharap ia sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban para pesara.

APLIKASI MYPESARA

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

10. Seiring dengan kepesatan teknologi digital, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah membangunkan satu aplikasi khusus untuk kegunaan para pesara Kerajaan. Aplikasi yang diberi nama MyPesara merupakan satu aplikasi pintar yang dibangunkan bertujuan memberi kemudahan kepada pesara Kerajaan Malaysia mendapatkan maklumat seperti data peribadi, data perkhidmatan dan membuat semakan pencen setiap bulan. Semua pesara / penerima pencen / waris pesara Kerajaan boleh memuat turun aplikasi MyPesara ke dalam peranti tuan-puan daripada *Google Playstore* dan *Apple Appstore* secara percuma. Dengan aplikasi ini, ianya akan memudahkan para pesara menguruskan urusan persaraan, mendapatkan maklumat terkini mengenai hal ehwal persaraan serta menyemak dan mengemaskini status pencen di mana-mana sahaja pada bila-bila masa sahaja.

PERANCANGAN PERSARAAN

Hadirin yang saya hormati,

11. Saya percaya tuan-puan telahpun membuat perancangan awal beberapa tahun sebelum sampai tarikh persaraan, termasuklah pelbagai aktiviti yang berfaedah seperti aktiviti sosial dan keagamaan serta tidak terkecuali perkara-perkara yang menyentuh kecergasan fizikal dan mental. Kajian mendapati rangkaian sosial berkualiti tinggi meningkatkan kesihatan dan kegembiraan, seterusnya memanjangkan usia. Kesihatan yang baik akan membolehkan tuan-puan menikmati persaraan dengan tenang setelah berpuluh tahun menabur bakti berkhidmat kepada negara.

12. Pengurusan kewangan yang baik akan memastikan setiap pesara mampu meneruskan kehidupan dengan selesa. Menyentuh aspek pengurusan kewangan, kebelakangan ini banyak kes-kes penipuan yang juga melibatkan pesara kerajaan seperti Macau Scam, jenayah e-dagang dan memancing data (*phishing*). Penipuan ini telah mengakibatkan kerugian jutaan ringgit dan sesetengahnya juga membawa risiko kepada keselamatan ahli keluarga pesara.

13. Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2022 menunjukkan jenayah indeks dan jenayah komersial masing-masing menurun sebanyak 4.1 peratus dan 3.0 peratus kepada 50,813 kes dan 30,536 kes yang dilaporkan pada 2022. Walau bagaimanapun, jenayah siber meningkat 44.3 peratus kepada 577 kes daripada 400 kes dalam tempoh sama. Jenayah siber terdiri daripada unsur penipuan, kerosakan atau pengubahsuaian program atau data komputer, pencurian maklumat, penggodaman dan lain-lain melibatkan penggunaan komputer dan rangkaian internet sebagai medium untuk melakukan jenayah.

14. Dengan kecanggihan teknologi dan taktik terkini *scammer*, saya ingin mengingatkan tuan-puan supaya sentiasa berhati-hati dalam meninggalkan jejak data dalam bentuk digital terutama dalam urusan jual beli atas talian atau pemindahan kewangan. Ini bagi mengelakkan hasil penat lelah bertahun-tahun kita hilang begitu sahaja.

PENUTUP

15. Bagi Pihak Kerajaan dan Perkhidmatan Awam, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pesara yang telah bersama-sama menyemai bakti di sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai penjawat awam khususnya di Kementerian Kerja Raya. Sesungguhnya segala usaha, kudrat dan pengorbanan tuan-puan yang telah disumbangkan secara langsung mahupun tidak langsung selama ini telah membantu pelaksanaan fungsi dan pencapaian matlamat Kementerian Kerja Raya khususnya hingga ke hari ini. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pasangan dan keluarga tuan-puan di atas sokongan dan dorongan tuan-puan selama bergelar penjawat awam.

16. Akhir kata, marilah kita sama-sama mendoakan semoga hari-hari persaraan tuan-puan yang diraikan hari ini dilimpahkan segala rahmat dan keberkatan, di samping berada dalam keadaan sihat sejahtera serta bahagia di samping keluarga tersayang. Semoga segala kenangan sebagai seorang penjawat awam menjadi memori indah yang mewarnai kehidupan tuan-puan semua.

17. Tahniah juga kepada pihak urus setia dan jawatankuasa penganjur majlis yang telah menjayakan majlis yang amat bermakna ini. Maka dengan ini saya sudahi ucapan saya dengan serangkap pantun;

***Tuai padi tinggal jerami,
Mega petang amat redup,
Dunia persaraan tuan alami,
Moga tenang nikmati hidup.***

Sekian, terima kasih.